

PENELITIAN KANDUNGAN TERHADAP SIRI ANIMASI UPIN DAN IPIN, BOBOIBOY DAN OMAR DAN HANA: KAJIAN ASPEK STRUKTUR CERITA

(*CONTENT ANALYSIS OF THE ANIMATED SERIES UPIN DAN IPIN, BOBOIBOY AND OMAR DAN HANA: A STUDY ON STORY STRUCTURE*)

Nur Yuhanis Mohd Nasir
yuhanis83@um.edu.my

Nurhamizah Hashim
aaee@um.edu.my

Awang Azman Awang Pawi
awangazman@um.edu.my

Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya, Kuala Lumpur
Malaysia

Received: 10th January 2022; Accepted: 28th March 2022; Published: 22nd April 2022

Abstract

Animation allows a story to be produced and presented in interesting ways. It displays sets of continuous drawings or model manipulation to create the illusion of movement. The technology has undergone many stages of innovation and is utilised in different industries, such as medicine, education and entertainment. In Malaysia, the animation industry has grown rapidly since the establishment of the Multimedia Super Corridor (MSC) and the Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) in 1996, which aims to catalyse the country's digital economy development. Many local production houses were set up and, in turn, produced better animations. These efforts incorporated various genres, such as family, Islam and superheroes. Hence, this study aims to examine the story structures of three popular Malaysian animated series – Upin dan Ipin, BoBoiBoy and Omar dan Hana. The three series were chosen based on their popularity despite being introduced in 2007, 2011 and 2014. This qualitative research was conducted using content analysis, whereby one episode from each series was picked at random to be analysed based on Stanton's Structural Model (2007). The findings of this study showed that the storytelling for all three series was similar through their presentation of facts, usage of literary devices and features of different themes.

Keywords: *animation, storytelling, structural model, fact, literary device, themes.*

Abstrak

Teknologi animasi membolehkan suatu cerita diolah dan disampaikan dengan menarik. Animasi ialah teknologi paparan jujukan lukisan secara berterusan atau manipulasi model untuk menghasilkan ilusi pergerakan. Walau bagaimanapun, teknologi ini telah melalui banyak pembaharuan dan dimanfaatkan dalam banyak industri seperti perubatan, pendidikan dan hiburan. Industri animasi di Malaysia semakin berkembang pesat semenjak penubuhan Koridor Raya Multimedia dan Perbadanan Pembangunan Multimedia pada tahun 1996 yang bertujuan untuk memacu pembangunan ekonomi digital negara. Banyak syarikat produksi tempatan yang ditubuhkan dan semenjak itu, penghasilan karya animasi Malaysia juga semakin berkualiti. Pelbagai genre diketengahkan melalui cerita-cerita animasi antaranya kekeluargaan, Islamik dan juga cerita yang berkoncepkan adiwira. Aspek yang difokuskan melalui kajian ini ialah berkaitan penceritaan menerusi tiga siri animasi Malaysia yang popular, iaitu Upin dan Ipin, BoBoiBoy dan Omar dan Hana. Justifikasi pemilihan siri animasi ini ialah berdasarkan kejayaan ketigatiganya untuk terus popular walaupun telah beberapa tahun diperkenalkan, iaitu masing-masing dari tahun 2007, 2011 dan 2014. Kajian ini dilakukan secara kualitatif dengan membuat analisis kandungan. Satu episod daripada setiap animasi kajian dipilih secara rawak untuk dinilai struktur cerita dan dianalisis menggunakan Model Struktural Stanton (2007). Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa penceritaan animasi kajian mempunyai kesepadan yang terbina daripada struktur fakta, sarana dan tema.

Kata kunci: animasi, penceritaan, model struktural, fakta, sarana, tema.

Pengenalan

Industri animasi di Malaysia bermula pada tahun 1946 menerusi Malayan Film Unit (Muthalib, 2007). Animasi yang dihasilkan pada waktu itu tidak menggunakan teknologi canggih, tetapi berbentuk animasi sel berdasarkan lukisan tangan atau *hand-drawn*. Animasi menggunakan teknologi tersebut digunakan semasa penghasilan dokumentari dan pesanan khidmat masyarakat. Sekitar tahun 1980-an, sekurang-kurangnya lima buah cerita animasi pendek dihasilkan, antaranya Hikayat Sang Kancil. Namun, pembikinan animasi di Malaysia pada ketika itu masih dihasilkan tanpa kelengkapan studio animasi yang baik. Menurut Muthalib (2007) yang juga merupakan antara juruanimasi terawal di Malaysia, perkembangan industri animasi tempatan mengambil masa yang agak panjang sebelum berada di tahap sekarang. Tahun 1981 merupakan tahun yang telah mengubah lanskap industri animasi di Malaysia. Tun Mahathir Mohammad yang merupakan Perdana Menteri Malaysia ke-4 pada ketika itu telah menggalakkan penggunaan teknologi digital dalam pelbagai bidang. Industri animasi berkembang pesat dan pihak kerajaan mencadangkan agar siri animasi televisyen dihasilkan sendiri oleh produksi tempatan pada tahun 1994 bagi mengurangkan rancangan yang diimport daripada luar negara. Penciptaan karya-karya secara lokal pastinya membawa “roh” dan jiwa yang mencerminkan budaya tempatan itu sendiri (Sesilia Seli & Mohamad Mokhtar, 2017). Hasil daripada cadangan tersebut, maka lahirlah siri animasi Usop Sontorian yang telah ditayangkan melalui siaran televisyen saluran Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada tahun 1995.

109

Antara karya animasi tempatan yang menyusul selepas itu ialah filem animasi Silat Lagenda (1998), filem animasi bertajuk Puteh (2001) dan siri animasi tiga dimensi (3D) Nien Resurrection (2000). Walau bagaimanapun, industri animasi Malaysia bertukar hambar setelah dua filem animasi Malaysia, iaitu Silat Lagenda dan Puteh tidak mendapat sambutan serta mengalami kerugian. Industri kreatif ini hanya bangkit semula sekitar tahun 2007 menerusi siri animasi Upin dan Ipin yang turut mendapat sokongan daripada kerajaan menerusi Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air ketika itu (Mohd Amir Mat Omar & Md. Sidin Ahmad Ishak (2011). Menurut Mohd Amir Mat Omar & Md. Sidin Ahmad Ishak (2011) lagi, wujud pengaruh *anime* (animasi Jepun) dalam animasi Malaysia pada peringkat awal. Hal ini bukanlah sesuatu yang asing memandangkan produksi animasi daripada segenap pelusuk dunia juga terpengaruh dengan gaya *anime* atau animasi negara Barat yang sememangnya mendominasi industri animasi global sejak sekian lama. Usop Sontorian boleh dianggap sebagai animasi Malaysia pertama yang memecahkan tradisi ini melalui penampilan serta gaya yang mencerminkan budaya Melayu Malaysia. Industri animasi di Malaysia masih lagi baharu jika dibandingkan dengan industri animasi di Amerika Syarikat dan negara Jepun (Fadli Abdullah & Md. Sidin Ahmad Ishak, 2010). Animasi di Malaysia semakin berkembang dan banyak karya animasi tempatan yang telah dihasilkan beberapa tahun belakangan ini. Kualiti animasi Malaysia juga tidak kurang hebatnya dan yang lebih membanggakan ialah penerimaan para penonton dalam dan luar negara terhadap animasi-animasi daripada Malaysia. Antara animasi daripada Malaysia yang mendapat perhatian penonton ialah Upin dan Ipin, BoBoiBoy dan Omar dan Hana.

Animasi Upin dan Ipin dianggap sebagai karya animasi Malaysia yang paling berjaya dalam industri animasi Malaysia baharu sehingga direkodkan dalam *Malaysian Books of Record* pada tahun 2011 (Faryna Mohd Khalis et al., 2016). Melalui jenama Upin dan Ipin, syarikat produksi Les' Copaque Production Sdn. Bhd. telah menghasilkan 15 musim siri animasi televisyen dan empat filem sejak tahun 2007 sehingga 2019 (Chairul Fikri & Nur Yasmin, 2019; Les' Copaque, 2022). Animasi BoBoiBoy pula pertama kali diperkenalkan kepada khalayak penonton sebagai satu siri animasi televisyen pada tahun 2011. Animonsta Studios Sdn. Bhd. merupakan syarikat produksi yang bertanggungjawab membangunkan animasi ini. Sehingga Januari 2022, terdapat sejumlah 76 episod untuk siri animasi BoBoiBoy dan dua filem BoBoiBoy telah dihasilkan (animonsta.com, Januari 2022). Satu lagi animasi Malaysia yang terkenal ialah Omar dan Hana. Animasi ini dihasilkan oleh syarikat produksi Digital Durian dan mula disiarkan di televisyen pada tahun 2014 menerusi saluran Astro Ceria. Tiga animasi ini telah dipilih untuk kajian ini berdasarkan reputasi animasi-animasi berkenaan. Semenjak beberapa tahun dahulu, ketiga-tiga animasi ini masih kekal popular sehingga tahun 2022 serta telah dibincangkan secara akademik dan bukan akademik (Mohd Hasri & Md. Syed, 2021; Westri & Pransiska, 2021; Fatimah Muhd Shukri & Nur Afifah Vanitha Abdullah, 2016). Satu episod daripada setiap siri animasi dipilih dan penelitian kandungan dijalankan dengan menggunakan Model Struktural Stanton (2007) untuk melihat penceritaan yang diketengahkan.

Sorotan Kajian

Banyak penyelidikan dilakukan oleh para sarjana berkaitan dengan cerita animasi. Dalam kajian ini, beberapa bahan ilmiah yang dirujuk merupakan kajian yang memfokuskan kepada cerita animasi yang sama dan juga kajian-kajian animasi yang mempunyai fokus kajian yang berbeza. Westri & Pransiska (2021) melakukan analisis kajian berkaitan nilai agama dan moral yang terdapat dalam animasi Omar dan Hana. Menerusi kajian kualitatif tersebut, antara ajaran agama yang diselitkan dalam penceritaan ialah tentang sirah nabi, nilai-nilai murni sesama manusia, sifat mensyukuri nikmat Allah dan lain-lain lagi. Pendekatan penyampaian yang digunakan adalah secara berdialog dan juga nyanyian lagu. Hal ini dilihat mampu menarik minat penonton yang terdiri daripada golongan kanak-kanak.

Mohd. Suhaimi Juhan & Norlela Ismail (2016) pula mengkaji ciri-ciri dan personaliti yang ditonjolkan pada watak BoBoiBoy berdasarkan filem BoBoiBoy: The Movie yang ditayangkan pada tahun 2016. Analisis data kajian dijalankan menggunakan Model Sepuluh Karekteristik Hayes-Roth & Doyle. Kajian ini menyimpulkan bahawa reka bentuk watak untuk cerita animasi menjadi keutamaan berbanding elemen-elemen lain. Reka bentuk watak dibuat agar sesuai dengan konsep cerita dan juga jenis naratif yang digunakan.

Fatimah Muhd Shukri & Nur Afifah Vanitha Abdullah (2016) melakukan kajian aspek naratif terhadap filem animasi Geng Pengembaran Bermula, iaitu filem animasi Upin dan Ipin yang pertama. Filem tersebut diiktiraf sebagai filem animasi tiga dimensi Malaysia yang pertama dan dianggap berjaya apabila mendapatkan kutipan yang tinggi semasa ditayangkan. Namun begitu, filem Geng Pengembaran Bermula tidak mempunyai naratif yang baik kerana kekurangan kesinambungan peristiwa. Dengan melakukan analisis naratif berpandukan teori filem kognitivisme, kajian ini telah merumuskan bahawa kesejagatan satu naratif dibentuk oleh elemen ruang, masa serta sebab dan akibat. Kelemahan naratif filem Geng Pengembaran Bermula wujud pada bahagian sebab dan akibat yang gagal menghubungkaitkan jalan cerita secara keseluruhan yang seterusnya merencatkan aspek naratif filem tersebut.

Kajian oleh Faryna Mohd Khalis et al. (2016) yang meneliti ciri-ciri budaya tempatan yang diterapkan dalam pembinaan visual watak dalam lima animasi Malaysia, iaitu Kampung Boy, Usop Sontorian, Bola Kampung, Upin dan Ipin dan BoBoiBoy. Berdasarkan tanggapan awal bahawa animasi daripada negara barat dan Jepun (disebut sebagai *anime*) merupakan perintis yang berpengaruh dalam industri animasi dunia, kajian ini membuat perbandingan bentuk fizikal watak utama menerusi lima buah animasi kajian berpandukan tujuh ciri-ciri yang menonjol daripada *anime* dan animasi Barat. Tujuh ciri-ciri fizikal yang dibandingkan ialah bentuk muka, bentuk mata, jenis rambut, bentuk hidung, bentuk mulut, saiz badan dan saiz kaki. Hasil kajian mendapati bahawa hanya watak BoBoiBoy sahaja yang menunjukkan wujudnya pengaruh *anime* pada reka bentuk fizikal watak tersebut manakala animasi selainnya tidak menunjukkan pengaruh reka bentuk animasi luar. Daripada dapatan kajian yang diperoleh, pengkaji merumuskan bahawa animasi Malaysia masih berpegang teguh dengan intipati yang berorientasikan budaya tempatan.

Implikasi kajian-kajian yang dibincangkan melalui sorotan kajian dapat memberikan gambaran keseluruhan kajian cerita animasi dengan fokus yang pelbagai. Walaupun terdapat beberapa kajian menggunakan bahan kajian yang sama, terdapat kajian yang memfokuskan kepada elemen nilai dalam penceritaan (Westri & Pransiska, 2021) dan memfokuskan kepada aspek reka bentuk visual animasi (Suhaimi Juhan & Norlela Ismail, 2016). Kajian Fatimah Muhd Shukri & Nur Afifah Vanitha (2016) pula melihat kepada aspek naratif dan kajian Faryna Mohd Khalis et al. (2016) pula melihat kepada unsur lokaliti serta unsur luar yang wujud dalam cerita animasi tempatan. Oleh itu, kajian ini didapati mempunyai perbezaan dengan kajian lalu yang telah disoroti. Kajian ini memfokus kepada aspek struktural animasi yang dipilih.

Teori Struktural

Sebuah cerita distrukturkan oleh fakta (*fact*), sarana cerita (*literary device*) dan tema (*theme*) (Stanton, 2007). Fakta cerita dibentuk oleh elemen-elemen seperti alur cerita, watak dan latar. Alur cerita terbina melalui rangkaian peristiwa yang membentuk jalan cerita daripada permulaan atau pengenalan cerita sehingga ke penamat atau kesudahan cerita. Pada bahagian permulaan, pengenalan peristiwa disampaikan, iaitu bahagian ini mengandungi maklumat penting tentang cerita secara umum. Bahagian ini perlu disampaikan terlebih dahulu agar penikmat cerita (sama ada pembaca atau penonton) mendapat gambaran awal tentang cerita.

Bahagian tengah cerita pula merupakan konflik yang membawa kepada klimaks atau kemuncak masalah dalam cerita. Klimaks hanya boleh terjadi apabila wujud konflik dalam cerita. Konflik merupakan satu permasalahan atau isu yang timbul dan perlu diselesaikan oleh watak utama cerita. Proses penyelesaian kepada permasalahan semakin memuncak dan membawa kepada bahagian klimaks cerita sehingga menimbulkan rasa tegang atau teruja pada penikmat cerita. Bahagian terakhir, iaitu penamat cerita merupakan penyelesaian kepada konflik. Bahagian ini menunjukkan kesan atau akibat yang berlaku daripada konflik yang telah diselesaikan. Bahagian ini mungkin berbentuk penamat yang membahagiakan atau menyediakan serta bergantung kepada penyelesaian terhadap konflik dalam cerita.

Setiap peristiwa yang berlaku sepanjang penceritaan adalah berkesinambungan antara satu sama lain. Dalam erti kata yang lebih mudah, alur cerita ialah kronologi dalam sesebuah cerita. Bagi membolehkan alur cerita dilaksanakan, elemen watak perlu diwujudkan. Watak ialah pelaku yang menggerakkan peristiwa dalam cerita. Watak boleh dibahagikan kepada watak utama dan watak sampingan. Dalam sesebuah penceritaan, watak utama muncul dalam cerita dengan membawa pelbagai emosi agar dapat menyampaikan rangkaian peristiwa dalam cerita secara berkesan dan menyentuh hati penikmat cerita. Watak sampingan juga mempunyai peranan penting dan menyokong penyampaian cerita.

Aspek seterusnya dalam fakta cerita ialah latar. Terdapat tiga bentuk latar, iaitu:

- (i) Latar tempat yang merujuk kepada persekitaran tempat peristiwa dalam cerita berlaku;
- (ii) Latar waktu atau era; dan

- (iii) Latar sosial yang menunjukkan cara masyarakat menjalani aktiviti kehidupan dalam penceritaan itu.

Aspek latar ini mungkin tidak dinyatakan secara langsung namun ketiga-tiga bentuk latar ini saling berkaitan. Aspek latar juga dapat difahami menerusi elemen-elemen lain yang ditampilkan dalam penceritaan seperti melalui gaya pemakaian, gaya bahasa dan pemandangan. Menurut Stanton (2007), elemen kedua dalam struktur cerita ialah sarana cerita, iaitu cara cerita dibina supaya mempunyai bentuk penyampaian yang jelas dan bermakna. Hal ini dapat dicapai menerusi penetapan judul yang sesuai dengan cerita, perancangan aspek sudut pandang (*point of view*) yang digunakan dalam cerita, penerapan simbol dan ironi. Sudut pandang merupakan cara atau pandangan yang digunakan untuk mempersemprehankan elemen-elemen yang terkandung dalam penceritaan. Empat jenis sudut pandang yang boleh digunakan ialah:

- a. Sudut pandang daripada watak utama yang menyampaikan cerita;
- b. Sudut pandang daripada watak sampingan yang menyampaikan cerita;
- c. Sudut pandang daripada “watak ketiga” yang hanya menyatakan emosi dan pemikirannya sahaja; dan
- d. Sudut pandang daripada “watak ketiga” secara tiada had yang mana merujuk kepada setiap watak dalam penceritaan.

Simbol pula ialah perincian berbentuk fakta dan konkrit yang mampu merangsang pemikiran serta emosi penikmat cerita. Simbol dalam penceritaan terdiri daripada tiga bentuk, iaitu simbol yang berlaku disebabkan oleh suatu peristiwa, simbol yang muncul berulang kali untuk menandakan perkaitan dengan unsur alam sebenar dan simbol yang muncul dalam konteks berbeza daripada konteks biasa. Ironi pula merupakan cara menyampaikan sesuatu yang bertentangan dengan jangkaan atau di luar dugaan. Terdapat dua jenis ironi, iaitu ironi dramatik yang berlaku pada bahagian tertentu dalam cerita seperti *plot twist* dan ironi lisan yang merujuk kepada penyampaian perasaan (*expression*) yang tidak menggambarkan maksud perasaan sebenar secara langsung.

Elemen terakhir dalam struktur cerita ialah tema. Tema merupakan idea utama yang menjadi dasar kepada sesebuah cerita. Contoh tema ialah kekeluargaan, percintaan, peperangan, kisah sejarah dan lain-lain lagi. Penentuan tema cerita membentuk acuan cerita dan dianggap sebagai pusat kepada idea utama cerita.

Metodologi Kajian

Analisis yang dijalankan menerusi kajian ini ialah analisis struktural dengan meneliti kandungan tiga episod animasi yang dipilih sebagai bahan kajian. Jadual 1 menunjukkan ringkasan maklumat animasi yang dikaji, iaitu satu episod terkini yang dipilih secara rawak daripada siri animasi Upin dan Ipin, BoBoiBoy dan Omar dan Hana.

Jadual 1: Ringkasan Maklumat Bahan Kajian

Bil.	Siri animasi	Nombor/ Tajuk episod	Durasi/ Kepanjangkan	Sumber capaian
1.	Upin dan Ipin	Musim 15: Episod Angin. Tarikh tontonan umum ialah pada 13/ 12/ 2021)	18 minit 2 saat	Saluran YouTube Les' Copaque Production https://www.youtube.com/watch?v=UJX3PRaG3Yo
2.	BoBoiBoy	Musim 1, episod 6 Hilang Ingatan	19 minit 52 saat	https://www.youtube.com/watch?v=btuwYCwkPag
3.	Omar dan Hana	Episod Hero Alam, Tarikh tontonan umum ialah pada 4/ 10/ 2021)	11 minit	Saluran YouTube Omar dan Hana-Lagu kanak-kanak Islam https://www.youtube.com/watch?v=UCh4GQNk7UE

i. Sinopsis Episod Angin daripada Siri Animasi Upin dan Ipin

Opah meminta Kak Ros ke kedai membeli barang dapur sebelum menyedari hari sudah gelap yang menandakan hujan bakal turun dengan lebat. Opah berpesan kepada Kak Ros supaya memanggil Upin dan Ipin untuk pulang ke rumah. Sementara itu, Upin, Ipin dan rakan-rakannya sedang asyik bermain layang-layang. Mereka berasa seronok kerana layang-layang mereka terbang tinggi disebabkan oleh angin yang kuat. Kak Ros tidak sempat untuk pergi ke kedai dan terus pulang ke rumah kerana cuaca bertukar buruk. Setibanya Kak Ros di rumah, Upin dan Ipin masih belum pulang. Opah dan Kak Ros berasa risau dan segera menghubungi Tok Dalang. Rumah Opah pula terputus bekalan elektrik kerana cuaca yang semakin buruk. Lebih mengejutkan apabila angin yang kencang membentuk puting beliung. Rumah Opah menjadi laluan angin puting beliung sehingga menyebabkan anjung rumah runtuh. Apabila cuaca beransur baik, Upin dan Ipin balik ke rumah bersama-sama dengan Tok Dalang. Opah dan Kak Ros berasa lega setelah melihat Upin dan Ipin berada dalam keadaan yang selamat.

ii. Sinopsis Episod Hilang Ingatan daripada Siri Animasi BoBoiBoy

BoBoiBoy merupakan seorang budak lelaki adiwira mempunyai kuasa elemental air, tanah, api, daun, cahaya, angin dan petir. Pada permulaan episod ini, watak antagonis, iaitu Adu Du telah menculik BoBoiBoy yang telah menduplikasikan dirinya kepada tiga orang (BoBoiBoy mempunyai keupayaan menduplikasi dirinya kepada tujuh). Disebabkan satu daripada tiga

BoBoiBoy terpisah setelah berduplikasi, ketiga-tiga BoBoiBoy mengalami masalah untuk mengingati banyak perkara. Sementara itu, Tok Aba (datuk kepada BoBoiBoy) meleraikan pergaduhan yang berlaku antara dua lagi BoBoiBoy kerana masing-masingnya turut mengalami masalah ingatan. BoBoiBoy yang diculik oleh Adu Du untuk mendapatkan resepi rahsia Kokotiam Tok Aba mempunyai kuasa elemental petir, manakala dua lagi duplikasi BoBoiBoy mempunyai kuasa elemental tanah dan angin. Adu Du berjaya memanipulasi BoBoiBoy yang mempunyai kuasa elemental petir yang semakin hilang ingatan dan menghantarnya ke rumah Tok Aba untuk memperoleh resepi rahsia yang diidamkan. Pergaduhan berlaku antara BoBoiBoy yang mempunyai kuasa elemental petir dengan rakan-rakan seperjuangannya, iaitu Gopal, Yaya, Ying, BoBoiBoy tanah dan BoBoiBoy angin. Secara tiba-tiba, ingatan BoBoiBoy petir mulai pulih setelah terdengar perkataan “terbaik” yang disebut oleh pembantu Adu Du, iaitu Probe (beberapa *flashback* berlaku yang menunjukkan BoBoiBoy sering menyebut perkataan “terbaik” yang sinonim dengan BoBoiBoy). Adu Du dan Probe ditumpaskan oleh BoBoiBoy dan pada penghujung episod pula BoBoiBoy bercantum semula menjadi satu.

iii. Sinopsis Episod Hero Alam daripada Siri Animasi Omar dan Hana

Dalam episod ini, Omar, Hana dan kedua-dua ibu bapa mereka (watak Papa dan Mama) melakukan aktiviti mendaki bukit. Papa membayar tiket untuk mereka berempat masuk ke kawasan riadah itu. Dua watak sampingan muncul pada saat ke 6.03, iaitu dua orang lelaki muda yang sedang menghidupkan api untuk memasak di kawasan riadah. Mereka tidak mengendahkan teguran Papa tentang larangan memasak di kawasan tersebut sehingga mengakibatkan kebakaran berlaku (saat ke 6.52). Papa segera membuat keputusan untuk menghulurkan bantuan (saat ke 7.39) walaupun Mama berasa berat hati untuk membenarkannya. Pada pengakhiran episod Hero Alam, mesej utama disampaikan menerusi monolog oleh watak Papa yang berkata, “Sesungguhnya kerosakan di muka bumi datang dari tangan manusia sendiri”.

Analisis Struktural Fakta Cerita

Berdasarkan kepada penelitian yang dilakukan terhadap satu episod yang dipilih daripada cerita animasi kajian, dapat diplotkan penceritaan kepada tiga bahagian utama, iaitu bahagian pengenalan, bahagian tengah dan bahagian penamat. Jadual 2 menunjukkan pemetaan rangkaian peristiwa daripada ketiga-tiga animasi berkenaan, iaitu:

Jadual 2: Peristiwa Dalam Animasi Kajian Mengikut Bahagian

Tajuk Animasi	Bahagian Pengenalan	Bahagian Tengah	Bahagian Penamat
Upin dan Ipin (Episod Angin)	Upin, Ipin dan rakan-rakan mereka bermain layang-layang ketika cuaca semakin gelap dan hujan bakal turun.	Konflik: Upin dan Ipin berlari dalam hujan untuk pulang ke rumah namun kecelakaan berlaku apabila sebatang pokok tumbang menghempap kaki Ipin. Upin membantu Ipin melepaskan kakinya daripada	Aksi menurun: Puting beliung berlalu ke arah lain dan cuaca menjadi semakin baik. Konklusi: Tok Dalang

		<p>pokok yang tumbang itu namun mereka sudah terperangkap dalam cuaca buruk lalu memutuskan untuk berteduh di sebuah pondok.</p> <p>Klimaks:</p> <p>Tok Dalang yang menunggang motor datang menyelamatkan Upin dan Ipin ketika angin semakin kuat sehingga terbentuk puting beliung.</p>	menghantar Upin dan Ipin pulang ke rumah Opah.
BoBoiBoy (Episod Hilang Ingatan)	BoBoiBoy (dengan kuasa elemental petir) telah diculik oleh Adu Du. Disebabkan terpisah daripada dua duplikasi BoBoiBoy (dengan elemental kuasa angin dan tanah), semua BoBoiBoy mengalami masalah hilang ingatan.	<p>Konflik: BoBoiBoy yang mempunyai kuasa elemental petir menyangka Adu Du ialah rakannya.</p> <p>Klimaks: BoBoiBoy yang mempunyai kuasa elemental petir telah dipengaruhi oleh Adu Du dan menyerang rakan-rakannya yang sebenar demi mendapatkan resepi rahsia Tok Aba.</p>	<p>Aksi menurun: Ingatan BoBoiBoy yang mempunyai kuasa elemental petir kembali pulih.</p> <p>Konklusi: BoBoiBoy yang mempunyai kuasa elemental petir, angin dan tanah bersatu kembali menjadi satu BoBoiBoy dan ingatan pulih seperti sedia kala.</p>
Omar dan Hana (Episod Hero Alam)	Omar dan Hana sekeluarga pergi ke taman rekreasi untuk menjalankan aktiviti mendaki bukit.	<p>Konflik:</p> <p>Dua lelaki muda telah ditegur Papa supaya tidak memasak di kawasan riadah itu, namun mereka tidak mengendahkan nasihat Papa.</p> <p>Klimaks:</p> <p>Kebakaran berlaku berpunca daripada api yang dinyalakan oleh kedua-dua lelaki tadi untuk memasak.</p>	<p>Aksi menurun: Papa berjaya menyelamatkan seorang lelaki yang terperangkap dalam kebakaran.</p> <p>Konklusi: Papa bermonolog dengan menyatakan bahawa manusia merupakan penyebab kerosakan di muka bumi ini.</p>

Jadual 3 hingga Jadual 5 menunjukkan watak-watak yang terdapat dalam ketiga-tiga siri animasi kajian, manakala Jadual 6 mengandungi maklumat tentang latar untuk animasi kajian, iaitu:

Jadual 3: Watak dan Perincian Watak dalam Animasi Upin dan Ipin (Episod Angin)

Nama Watak	Peranan Watak	Karektor atau Ciri-Ciri Watak
Upin	Watak utama dan merupakan kembar kepada Ipin	Kanak-kanak lelaki yang ceria dan suka bermain dengan rakan-rakannya.
Ipin	Watak utama dan merupakan kembar kepada Upin	Ipin juga seorang yang berperwatakan ceria sama seperti kembarnya, suka kepada cabaran dan gemar bermain dengan rakan-rakannya.
Kak Ros	Kakak kepada Upin dan Ipin	Seorang yang tegas terutamanya terhadap adik-adiknya, menghormati orang tua dan bersifat penyayang.
Opah	Nenek kepada Upin dan Ipin	Wanita yang sudah berumur tetapi masih berupaya menguruskan cucu-cucunya.
Tok Dalang	Ketua kampung	Lelaki yang sudah berumur, dihormati dan mudah menghulurkan bantuan kepada orang yang berada dalam kesusahan.
Ehsan, Mail, Fizi, Mei Mei, dan Susanti	Rakan kepada Upin dan Ipin	Mereka merupakan rakan sebaya Upin dan Ipin, mempunyai perwatakan yang ceria, dan suka bermain.

Jadual 4: Watak dan Perincian Watak dalam Animasi Boboiboy (Episod Hilang Ingatan)

Nama Watak	Peranan Watak	Karektor atau Ciri-Ciri Watak
BoBoiBoy	Watak utama.	Kanak-kanak lelaki yang ceria dan suka bermain dengan rakan-rakannya.
Tok Aba	Datuk kepada BoBoiBoy.	Penjaga BoBoiBoy, bermula di gerai makanan yang dinamakan Tok Aba's Kokotiam.
Gopal	Rakan seperjuangan BoBoiBoy.	Adiwira yang memiliki kuasa menukar makanan kepada objek lain yang digunakan untuk menyerang pihak lawan.
Yaya	Rakan seperjuangan BoBoiBoy.	Adiwira perempuan yang memiliki kuasa memanipulasi daya graviti.
Ying	Rakan seperjuangan BoBoiBoy.	Adiwira perempuan yang memiliki kuasa memanipulasi kelajuan.
Adu Du	Antagonis dalam siri BoBoiBoy.	Robot yang memiliki fizikal berbentuk empat segi, berwarna hijau dan sering mengganggu BoBoiBoy serta rakan-rakannya.

Probe	Pembantu kepada Adu Du.	Robot yang membantu Adu Du. Robot ini sering salah faham dengan arahan Adu Du.
Ochobot	Robot yang berada dalam jagaan BoBoiBoy.	Robot yang berpihak kepada BoBoiBoy dan rakan-rakannya untuk menentang Adu Du.

Jadual 5: Watak dan Perincian Watak dalam Animasi Omar dan Hana (Episod Hero Alam)

Nama Watak	Peranan Watak	Karektor atau Ciri-Ciri Watak
Omar	Watak utama dan merupakan abang kepada Hana.	Kanak-kanak lelaki yang ceria dan menghormati kedua-dua ibu bapanya.
Hana	Watak utama dan merupakan adik perempuan Omar.	Kanak-kanak perempuan yang bersikap keanak-anakan dan manja.
Papa	Bapa kepada Omar dan Hana.	Lelaki dewasa yang mempunyai agama serta beramal dengannya serta menerapkan nilai-nilai Islam dalam mendidik anak-anaknya.
Mama	Ibu kepada Omar dan Hana.	Seorang isteri yang menunjukkan ciri-ciri mithali. Seorang ibu yang penyayang dan menerapkan nilai-nilai Islam dalam perlakuan serta didikannya terhadap anak-anaknya.
Dua orang lelaki (tiada nama)	Watak tambahan.	Mereka beriadah di kawasan yang sama dengan keluarga Omar dan Hana dan melakukan aktiviti mendaki bukit. Mereka menjadi penyebab kebakaran kerana memasak di kawasan riadah tersebut.

Jadual 6: Maklumat Berkaitan Latar dalam Animasi Kajian

Tajuk Animasi	Latar Tempat	Latar Waktu	Latar Sosial
Upin dan Ipin (Episod Angin)	Sebuah perkampungan atau kawasan desa yang aman.	Zaman moden yang sama seperti kini.	Persekutuan yang dihuni oleh masyarakat majmuk (Melayu, Cina, India dan warga asing daripada rumpun Melayu).
BoBoiBoy (Episod Hilang Ingatan)	Kawasan perumahan dalam sebuah bandar kecil	Zaman teknologi moden dan digital (ada pengaruh komputer dan teknologi digital lain).	Hubungan antara masyarakat yang berbilang kaum, iaitu Melayu, Cina dan India serta kewujudan robot-robot yang boleh berfungsi seperti manusia.

Omar dan Hana (Episod Hero Alam)	Kawasan riadah yang berada di pinggir bandar.	Zaman moden masa kini dengan adanya penggunaan teknologi semasa seperti telefon pintar dan media sosial.	Watak-watak yang beragama Islam dan sentiasa menerapkan nilai-nilai Islam dalam setiap perbuatan.
----------------------------------	---	--	---

Berdasarkan Jadual 2, dapat dilihat bahawa alur cerita daripada ketiga-tiga animasi mempunyai lima tahap, iaitu: (i) Tahap pengenalan: Mengandungi maklumat-maklumat penting tentang jalan cerita episod berkenaan; (ii) Tahap konflik: Menunjukkan babit-babit permulaan isu atau masalah yang timbul dalam episod berkenaan; (iii) Tahap klimaks: Puncak tertinggi selepas konflik berlaku yang merupakan bahagian getir dalam alur cerita; (iv) Tahap aksi menurun: Masalah semakin menuju ke arah penyelesaian atau semakin reda; dan (v) Tahap konklusi: Penamat yang menunjukkan akibat yang diperoleh selepas konflik diselesaikan.

Berdasarkan Jadual 3 dan Jadual 4 pula, dapat diperhatikan bahawa dalam siri animasi Upin dan Ipin dan BoBoiBoy, watak utama menjadi fokus dalam penceritaan. Fokus ditimbulkan menerusi konflik yang berlaku ke atas watak Upin, Ipin dan BoBoiBoy. Hal yang berbeza dalam animasi Omar dan Hana episod Hero Alam, iaitu apabila konflik timbul disebabkan oleh watak sampingan (Rujuk Jadual 5). Walau bagaimanapun, setiap watak yang wujud dalam ketiga-tiga siri animasi kajian ini mempunyai peranan yang signifikan dengan alur cerita bagi episod yang dikaji. Unsur latar dalam ketiga-tiga animasi kajian pula menunjukkan hubungan antara tempat, waktu dan sosial budaya (Rujuk Jadual 6). Unsur ini divisualisasikan menerusi rekaan pada seni bina rumah atau bangunan, rekaan watak serta hubungan antara watak-watak tersebut.

Daripada analisis fakta cerita, dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga animasi kajian menunjukkan rangkaian peristiwa atau kronologi cerita yang berkembang secara progresif serta selari dengan acuan bahagian pengenalan, pertengahan dan penamat cerita. Alur cerita, watak serta latar yang merangkumi latar waktu, latar tempat dan latar sosial mempunyai kesepadan yang membina struktur fakta cerita dengan baik. Hal ini selaras dengan model struktural Stanton (2007) yang menyatakan bahawa fakta cerita dicorakkan oleh alur cerita, watak serta maklumat latar.

Analisis Struktural Sarana Cerita

Bagi analisis struktural untuk elemen sarana cerita yang meliputi aspek tajuk atau judul cerita, sudut pandang, simbol dan ironi, Jadual 7 menunjukkan maklumat berkaitan yang terdapat dalam animasi Upin dan Ipin, BoBoiBoy dan Omar dan Hana berdasarkan episod yang diteliti.

Jadual 7: Maklumat Berkaitan Tajuk, Sudut Pandang, Simbol dan Ironi untuk Animasi Kajian

Tajuk Animasi	Tajuk Episod	Sudut pandang	Simbol	Ironi
Upin dan Ipin	Angin	Setiap watak, iaitu, Upin, Ipin, Opah, Kak Ros, Tok Dalang (watak utama) serta	Tajuk episod Angin merupakan simbol kepada konteks keseluruhan cerita.	Tok Dalang meredah angin kencang dan puting beliung demi menyelamatkan Upin

		<p>kawan-kawan Upin dan Ipin (watak sampingan) melakonkan peranan masing-masing.</p> <p>Setiap watak “menyampaikan” dialog masing-masing.</p>	<p>Konflik berlaku disebabkan cuaca buruk disertai angin kencang dan puting beliung.</p>	<p>dan Ipin. Pada masa yang sama, ketika Tok Dalang juga bersungguh-sungguh membantu Opah menyelamatkan Upin dan Ipin walaupun rumahnya sendiri mengalami kerosakan teruk akibat dilanda puting beliung. Akhirnya, Tok Dalang terpaksa bermalam di rumah Upin dan Ipin.</p>
BoBoiBoy	Hilang Ingatan		<p>Tajuk episod Hilang Ingatan merupakan simbol kepada konteks keseluruhan cerita, iaitu BoBoiBoy mengalami masalah hilang ingatan.</p>	<p>Adu Du hampir mencapai matlamatnya menerusi BoBoiBoy kuasa elemental petir. Namun, misinya gagal apabila ingatan BoBoiBoy kuasa elemental petir mulai pulih setelah terdengar Probe menyebut perkataan terbaik.</p>
Omar dan Hana	Hero Alam		<p>Tajuk episod Hero Alam merupakan simbol kepada konteks keseluruhan cerita yang mana watak Papa telah membantu seorang pemuda yang terperangkap dalam kebakaran di kawasan riadah.</p> <p>Monolog oleh watak Papa pada penamat cerita menyampaikan mesej berbentuk pengajaran.</p>	<p>Papa telah menyelamatkan pemuda yang terperangkap dalam kebakaran walaupun pada awalnya pemuda tersebut tidak mengendahkan nasihat yang diberikan oleh Papa.</p>

Episod Angin dalam animasi Upin dan Ipin mengisahkan situasi Upin dan Ipin ketika berdepan dengan angin kencang yang kemudian membentuk puting beliung. Dalam animasi BoBoiBoy, watak BoBoiBoy mengalami hilang ingatan sama seperti tajuk untuk episod yang dikaji. Episod Hero Alam untuk animasi Omar dan Hana pula adalah sedikit berbeza kerana tajuk untuk episod kajian ini tidak menggambarkan konteks keseluruhan cerita secara harfiah seperti episod Angin dan Hilang Ingatan. Tajuk episod bagi ketiga-tiga animasi kajian juga menunjukkan simbol kepada penceritaan yang berlaku. Sebagai tambahan, elemen simbol secara lisan juga wujud dalam dialog watak Papa dalam siri animasi Omar dan Hana yang berlaku pada penamat cerita (“Sesungguhnya kerosakan di muka bumi datang dari tangan manusia sendiri”).

Bagi aspek sudut pandang, penyampaian cerita dalam ketiga-tiga episod kajian ialah daripada perspektif semua watak yang beraksi serta berdialog sendiri untuk menyatakan maksud. Elemen ironi sememangnya wujud dalam ketiga-tiga animasi kajian seperti yang dinyatakan dalam Jadual 7. Daripada analisis sarana cerita, dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga animasi kajian menggunakan penyampaian maksud yang mudah, ringkas serta jelas bagi mewakili konteks penceritaan dalam episod yang berkenaan. Selaras dengan Model Struktural Stanton (2007), ketiga-tiga animasi kajian menggunakan tajuk episod yang menjadi simbol kepada konteks cerita serta kesesuaian dalam bentuk penyampaian menerusi aspek sudut pandang dan ironi berasaskan cerita yang disampaikan.

Analisis Tema Cerita

Siri animasi Upin dan Ipin membawakan tema kekeluargaan. Hal ini jelas disampaikan menerusi hubungan erat antara pasangan kembar Upin-Ipin dan juga ahli keluarga mereka yang lain, iaitu Kak Ros dan Opah. Antara emosi yang disampaikan dalam penceritaan adalah perasaan risau, prihatin dan kasih sayang seperti berikut:

i) Risau

(Dipetik daripada siri animasi Upin dan Ipin episod Angin, saat ke 5:54 hingga saat ke 5:57)
Opah: “*Mana budak-budak ni tak balik-balik*”.

ii) Prihatin

(Dipetik daripada Upin dan Ipin, episod Angin, saat ke 1:09 hingga saat ke 1:12)
Opah: “*Nampak macam nak hujan, jangan lupa bawa payung*”.
Kak Ros: “*Baik Opah*”.

iii) Kasih sayang

(Dipetik daripada siri animasi Upin dan Ipin episod Angin, saat ke 13:13 hingga saat ke 13:27)
Upin & Ipin: “*Opah, Akak*” (*sambil berlari ke arah Opah & Kak Ros*).
Mereka berempat saling berpelukan, kemudian Opah mencium dahi Upin dan Ipin dua kali.

BoBoiBoy pula membawakan tema cerita adiwira. Hal ini sememangnya jelas dipertontonkan daripada awal hingga tamat cerita apabila watak utama, iaitu BoBoiBoy menunjukkan kuasa adiwiranya untuk berpecah tiga dan kemudian bersatu kembali. Sepanjang penceritaan juga, terutamanya ketika konflik dan klimaks, tema adiwira semakin jelas menerusi adegan pertarungan menggunakan kuasa elemental watak BoBoiBoy dan rakan-rakannya.

Siri animasi Omar dan Hana pula tema besarnya juga adalah kekeluargaan. Hal ini disampaikan menerusi aksi serta dialog antara watak Papa, Mama, Omar dan Hana. Lirik dalam montaj lagu yang dimainkan pada permulaan episod juga jelas menunjukkan bahawa Omar dan Hana membawa tema kekeluargaan. Antara kata-kata yang merujuk kepada tema ini adalah seperti berikut:

i) Kasih sayang

(Dipetik daripada siri animasi Omar dan Hana episod *Hero Alam*, saat ke 0:02 hingga saat ke 5:57.)

Lirik lagu dalam montaj:

*Assalamu 'alaikum,
Kami sayang mama papa,
Kami sayang kawan-kawan,
Kami sayang semua,
O O Omar dan Hana.*

(Dipetik daripada siri animasi Omar dan Hana episod *Hero Alam*, saat ke 1:00 – 1:02)

Aksi mendidik sering diselitkan sepanjang penceritaan yang dilakukan menerusi watak Mama dan Papa kepada Omar dan Hana. Beberapa elemen didikan berasaskan Islam diselitkan dalam penceritaan antaranya melalui komunikasi (mengucapkan salam dan mengingatkan tentang kekuasaan Allah S.W.T.) dan perbuatan (membaca doa sebelum berbuat sesuatu dan memohon perlindungan). Selain itu, nilai Islam turut disampaikan menerusi lirik lagu sepanjang penceritaan. Contohnya, lirik pada saat ke 1.44 hingga saat ke 2.02 ialah:

*Tumbuh-tumbuhan, di sekeliling kita,
Ini semua Allah cipta,
Burung yang terbang, tinggi di udara,
Itu semua Allah cipta.*

Berdasarkan tontonan serta penelitian kandungan yang dibuat ini, dapat disimpulkan bahawa tema cerita untuk ketiga-tiga animasi kajian seiring dengan fakta serta sarana cerita. Selain itu, tema yang ditetapkan juga sesuai untuk tontonan golongan kanak-kanak untuk tujuan pendidikan dan hiburan.

Kesimpulan

Analisis struktural yang dibuat berdasarkan satu episod yang dipilih secara rawak daripada tiga siri animasi popular Malaysia, iaitu Upin dan Ipin, BoBoiBoy dan Omar dan Hana merangkumi fakta cerita, sarana cerita dan tema. Alur cerita untuk ketiga-tiga animasi kajian berkembang secara progresif dan ringkas bersesuaian dengan durasi cerita sepanjang 11 hingga 20 minit. Setiap watak yang terdapat dalam episod yang dikaji mempunyai peranan yang signifikan terhadap perjalanan cerita termasuklah watak-watak sampingan. Ironi yang diselitkan pada penamat menjadikan penyampaian cerita tidak hambar dan menjadikan cerita lebih menarik terutamanya ke arah penyelesaian kepada konflik cerita. Kajian ini juga menunjukkan bahawa cerita-cerita animasi Malaysia mempunyai kandungan yang baik untuk tontonan kanak-kanak kerana bersifat menghiburkan, mengandungi unsur didikan dan sarat dengan budaya tempatan.

Penghargaan

Penulisan artikel ini merupakan sebahagian daripada kajian yang dijalankan bawah geran penyelidikan Bantuan Kecil Penyelidikan Universiti Malaya BK029-2017.

Rujukan

- Fadli Abdullah & Md. Sidin Ahmad Ishak. (2010). Pembangunan sektor animasi di Malaysia: Pendidikan dan latihan animasi di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Malaysian Journal of Media Studies*, 12(2), 69-82.
- Fatimah Muhsin Shukri & Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2016). Ruang, masa dan sebab akibat dalam naratif filem animasi Geng Pengembalaan Bermula. *Jurnal Melayu*, 15(2), 238-249.
- Fikri Chairul & Nur Yasmin. (2019). *Malaysia's most famous twins Upin and Ipin hits Indonesian Theaters this Ramadan*. Jakarta Globe. Retrieved from <https://bit.ly/3qKKIhc>.
- Juhan, M. S., & Ismail, N. (2016). Character design towards narrative believability of Boboiboy in the Malaysian Animated Feature Film Boboiboy: The Movie (2016). *Proceedings of the 2nd International Conference on Advanced Research in Economics, Social Sciences & Trade Development*. Retrieved from <https://acrsolutions.org/wp-content/uploads/2019/07/03-CARS19-111.pdf>.
- Khalis, F. M., Mustaffa, N., & Ali, M. N. S. (2016). The sense of local identity characteristic in Malaysian animation. *International Journal of Arts & Sciences*, 9(3), 497-508.
- Les Copaque. (2022). Our Work: Sinopsis Upin dan Ipin. Retrieved from <https://lescopaque.com/v11/our-works/upin-ipin/>.
- Mohd Hasri, U. K & Md. Syed, M. A. (2021). Tying multiple installments in a single story world: Visiting world building through Power Sphera Universe in Malaysian animation franchise, BoBoiBoy. *Media International Australia*, 1-7. 1329878X20978707.
- Mohd Amir Mat Omar & Md. Sidin Ahmad Ishak. (2011). Understanding culture through animation: From the world to Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2), 1-9.
- Muthalib, H. A. (2007). From mousedeer to mouse: Malaysian animation at the crossroads. *Inter-Asia Cultural Studies*, 8(2), 288-297.
- Sesilia Selia & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2017). Nilai-nilai tempatan komuniti Dayak Kanayatn yang wujud dalam cerita rakyat. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 28(1): 209-251.

Stanton, R. (2007). *Teori Fiksi Robert Stanton*. Pustaka Pelajar: Yogyakarta.

Umar Hakim Mohd Hasri & Md. Azalanshah Md Syed. (2011). Understanding culture through animation: From the world to Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2), 1-9.

Westri, Z., & Pransiska, R. (2021). Analisis nilai-nilai agama dan moral anak usia dini pada film animasi Omar dan Hana. *Jurnal Golden Age*, 5(2), 221-232.